

PENGAJIAN KEUSAHAWANAN SEBAGAI ALTERNATIF UNTUK MENANGANI MASALAH PENGANGGURAN SISWAZAH: SATU ANALISIS

Ishak Hj Abd Rahman
Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan
Fakulti Ekonomi dan Perniagaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi 43600 Selangor.
haq@pkrisc.cc.ukm.my

Ramraini Ali Hassan
Sekolah Perniagaan dan Ekonomi,
Universiti Malaysia Sabah,
Beg Berkunci 2073,
88999 Kota Kinabalu Sabah
ramraini@ums.edu.my

Abstrak

Isu berhubung dengan pengangguran dikalangan siswazah seringkali dikaitkan dengan kadar pertumbuhan ekonomi yang agak perlahan, penawaran dan pertambahan mendadak jumlah guna tenaga kerja daripada kalangan siswazah disamping ketidakupayaan sektor awam dan sektor swasta untuk menyerap siswazah ini. Pada masa yang sama itu terdapat juga dakwaan bahawa siswazah yang dikeluarkan ini tidak dapat mempamerkan keyakinan diri, kurang kemampuan berkomunikasi dengan baik. Tanpa mahu menuding jari kepada mana-mana pihak tindakan segera perlu dilakukan. Sebagai pilihan, penulis beranggapan bahawa bidang keusahawanan berupaya untuk menampung keperluan untuk menyediakan pekerjaan. Pelajar diperingkat sekolah mahupun di Universiti perlu diberikan kemahiran dan ilmu yang bersesuaian untuk membolehkan mereka menceburi bidang keusahawanan. Kertas kerja ini beranggapan bahawa Pengajian keusahawanan disamping berfungsi sebagai suatu disiplin ilmu perlu memenuhi tuntutan majikan untuk memperolehi guna tenaga yang 'versatile'. Pada masa yang sama pengajian keusahawanan boleh diperkenalkan sebagai suatu bidang dwi pengkhususan dalam membantu menangani kelemahan graduan dalam melengkapkan diri mereka untuk menghadapi dunia pekerjaan. Pengajian keusahawanan perlu diterapkan bukan sahaja dalam disiplin sains sosial tetapi juga sains tulen sebagai suatu ilmu baru yang dapat menyuntik sifat kreativiti dan sikap inovatif dikalangan mahasiswa

Pengenalan

Isu berhubung dengan pengangguran dikalangan siswazah seringkali dikaitkan dengan kadar pertumbuhan ekonomi, penawaran dan pertambahan mendadak jumlah guna tenaga kerja daripada kalangan siswazah disamping ketidakupayaan sektor awam dan sektor swasta untuk menyerap siswazah ini. Disamping itu terdapat juga dakwaan bahawa siswazah yang dikeluarkan tidak dapat mempamerkan keyakinan diri, kurang kemampuan berkomunikasi dengan baik khususnya dalam Bahasa Inggeris serta kurangnya latihan persediaan pekerjaan. Berdasarkan kepada kepada perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada suku kedua tahun 2004 jumlah pengangguran di Malaysia mencatatkan kadar 3.7 %. Siswazah Melayu merupakan kelompok terbesar iaitu hampir 48,100 daripada keseluruhan 66,300 siswazah yang gagal mendapat pekerjaan. (Berita Harian 14 Sept 2004). Angka ini agak mengerunkan memandangkan kadar pertumbuhan ekonomi masih berada dalam tempoh pemulihan dan pada masa yang sama bilangan siswazah samada yang dikeluarkan oleh Insitusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta akan terus bertambah.

Program kerajaan dalam membantu siswazah menganggur

Bagi menangani masalah pengangguran dikalangan siswazah kerajaan telah memperkenalkan beberapa program antaranya ialah:

Program Sangkutan Dan Latihan Di Kalangan Siswazah Menganggur Dan Program Khas Peningkatan Latihan Kemahiran Pekerja Diberhentikan

Program ini bertujuan memberi latihan dan pengalaman kerja kepada graduan yang menganggur. Program ini telah mula dilaksanakan pada bulan November 2001 dan meliputi lapan (8) skim. Sehingga kini, enam (6) skim telah tamat dan dua (2) skim lagi masih berjalan Antaranya ialah

Skim Sangkutan dan Latihan (SSL) - Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Skim ini telah tamat pada 31 Mac 2003;

Skim Sangkutan Kajian (SSK) - Unit Perancang Ekonomi (UPE). Skim ini telah tamat pada 30 Jun 2002;

Skim Sangkutan dan Latihan Swasta (SSLS) - Unit Perancang Ekonomi (UPE).. Skim ini telah tamat pada 16 Ogos 2003; dan

Skim Latihan ICT dan Bahasa Untuk Siswazah - Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB).. Skim ini telah tamat pada 24 Mei 2003.

Skim Melanjutkan Pengajian - Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).. Skim ini telah tamat pada 26 Ogos 2003.

Skim Sangkutan Pembantu Pengajar (SSPP) - Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT).. Skim ini telah tamat pada 31 Julai 2004.

Sehingga 30 September 2004, seramai 40,280 siswazah telah menyertai Program Sangkutan dan Latihan Dikalangan Siswazah Menganggur.

Manakala Dua (2) skim yang masih berjalan adalah seperti berikut:-

Skim Sangkutan Meningkatkan Keupayaan IKS Dalam Bidang ICT

Dibawah program ini Siswazah akan ditempatkan di perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang diluluskan oleh Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) dan mengikuti latihan ICT.

Bagi melayakan peserta menyertai program syarat kelayakan telah ditetapkan iaitu

- Semua siswazah warganegara Malaysia peringkat ijazah daripada IPTA dan IPTS serta lulusan dari institusi pengajian luar negara pada tahun 1997 dan ke atas dalam bidang-bidang kejuruteraan, sains dan teknologi serta teknologi maklumat dan komunikasi; dan
- Siswazah masih menganggur dan tidak pernah mempunyai pengalaman bekerja.

Syarat

- Siswazah diwajibkan mengikuti kursus selama 5 bulan di Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) bagi meningkatkan kemahiran dalam ICT;
- Siswazah akan ditempatkan secara sangkutan di PKS yang diluluskan oleh SMIDEC selama 7 bulan; dan

Siswazah adalah tertakluk kepada peraturan kerja yang ditetapkan oleh majikan.

Peserta yang menyertai program ini akan menerima Yuran latihan yang akan dibiayai oleh Kerajaan melalui SMIDEC dan menerima elaun sebanyak RM500 sebulan sepanjang tempoh latihan dan sangkutan. Pada masa ini sebanyak 13 pengambilan telah menamatkan latihan dan dijangkakan pengambilan untuk kemasukan ke 14, 15 dan 16 sedang menjalani latihan dan dijangka tamat pada Februari 2005.

Program Peningkatan Kemahiran Siswazah

Sebagai tambahan kepada Program Sangkutan dan Latihan Dikalangan Siswazah Menganggur yang sedia ada, kerajaan juga telah melaksanakan satu program khusus untuk melatih semula siswazah khasnya dalam bidang kejuruteraan dan teknikal terpilih. Ia dikenali sebagai Program Peningkatan Kemahiran Siswazah atau *Graduate Reskilling Scheme* (GRS). Kursus-kursus yang dijalankan adalah di peringkat sijil dan tempoh kursus adalah diantara 2 hingga 18 bulan bergantung kepada jenis kursus yang diikuti. Setiap siswazah yang dipilih akan dibayar elaun bulanan sebanyak RM500 sepanjang tempoh latihan. Yuran kursus adalah ditanggung sepenuhnya oleh pihak kerajaan. Maklumat lanjut berkenaan kursus-kursus yang dilaksanakan dan agensi pelaksana adalah seperti berikut:- yang ditawarkan di Pusat Kemahiran diseluruh negara

Berdasarkan kepada senario ekonomi semasa yang masih berada dalam proses pemulihan dan mampu menyediakan peluang pekerjaan adalah dijangkakan bahawa bilangan siswazah yang menganggur akan dapat diserapkan kedalam aktiviti pekerjaan. Namun ini bukanlah merupakan penyelesaian terbaik kerana institusi pendidikan akan terus menghasilkan graduan dan persoalan yang perlu ditangani ialah apakah strategi terbaik untuk mengatasi masalah pengangguran di kalangan mahasiswa pada masa depan. Sebagai alternatif terbaik, mahasiswa perlu dilatih untuk mencipta pekerjaan dan bukan sebagai pencari kerja. Selaras dengan matlamat ini mahasiswa perlu dipupuk dan digalakkan untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan.

Perkembangan dalam Bidang Keusahawanan

Kebanyakan negara di dunia ini mula menyedari bahawa keusahawanan merupakan enjin penggerak ekonomi sesebuah negara (Gorman, Hanlon and King, 1997). Tambahan pula, ianya memang selalu dikaitkan dengan pengwujudan usahaniaga baru yang secara tidak langsung mewujudkan peluang-peluang pekerjaan (Miner, 1997). Ini secara tidak langsung telah dianggap oleh pembuat dasar sebagai salah satu kaedah penyelesaian terhadap kadar pengangguran yang sedang meningkat (Garavan and O'Conneide, 1994).

Di samping itu juga keperluan terhadap pembentukan perniagaan baru menjadi semakin penting disebabkan oleh pengambilan pekerjaan secara beramai-ramai tidak lagi dapat dijamin oleh industri intensif-buruh. Sementara itu, bagi sesebuah ekonomi untuk maju, perniagaan baru mestilah berjaya dan berkembang dan ini hanya boleh diwujudkan oleh individu yang bijak, cekap dan mempunyai pengetahuan yang khusus dalam bidang perniagaan (Yendell, 1997).

Oleh yang demikian, tidak memmeranjatkan untuk kita melihat peningkatan permintaan terhadap pendidikan keusahawanan di seluruh dunia. Ini dapat dibuktikan dengan peningkatan bilangan institusi-institusi pendidikan yang menawarkan kursus-kursus keusahawanan di kedua-dua negara di Amerika Syarikat dan Eropah (Falkäng and Alberti, 2000). Sebagai contoh, di United Kingdom sahaja, terdapat banyak kegiatan keusahawanan dari peringkat tempatan, wilayah dan kebangsaan melibatkan pelbagai jenis institusi. (Gibb, 1993). Kursus-kursus yang ditawarkan adalah dari peringkat prasiswazah sehinggalah ke peringkat pascasiswazah, dengan beberapa universiti yang menawarkannya sebagai major dan minor dalam bidang tersebut. (Hisrich and Peters, 1998).

Tambahan pula, kepercayaan yang meluas bahawa 'usahawan dilahirkan dan bukan dijadikan' (McMullan and Long, 1990) telah dibuktikan sebagai tidak benar kerana keusahawanan kini lebih dikenali sebagai satu disiplin yang boleh dipelajari dan diperolehi (Kuratko and Hodgetts, 1995). Ini juga disokong oleh Weaver (1999) yang menekankan bahawa tidak terdapat sebarang hubungan genetic terhadap bentuk sifat yang khusus yang dihuraikan sebagai keusahawanan dan individu yang mempamerkannya adalah produk dari persekitaran unik individu tersebut. Sebagai contoh, kejayaan program keusahawanan di Babson College, Amerika Utara, salah

sebuah pusat kecemerlangan pendidikan keusahawanan di dunia, menunjukkan bahawa keusahawanan adalah sesuatu yang boleh diajar dalam persekitarannya (Hanson and Evans, 1998).

Gorman, Hanlon and King (1997) pula menyatakan bahawa walaupun trait personality seseorang individu adalah sukar untuk dipengaruhi tetapi kebanyakan pengetahuan yang diperlukan oleh seseorang usahawan adalah boleh diajar dan beberapa kemahiran boleh juga diperolehi melalui pembelajaran (Guirdham and Tyler, 1992). Walalubagaimanapun, perkara utama yang paling nyata adalah peranan universiti dalam menyediakan persekitaran bagi pembangunan atau sedikit-sebanyak menggalakkan kepada pembangunan kemahiran (Duke, 1996) dan seterusnya menyediakan pemahaman teori keusahawanan (Anderson, Kirkwood and Jack, 1998).

Pendidikan Keusahawanan

Pendidikan keusahawanan seperti yang didefinisikan oleh Young (1997) menyatakan bahawa ianya adalah penyampaian pengetahuan keusahawanan yang formal dan berstruktur yang mana pengetahuan keusahawanan di sini merujuk kepada konsep, kemahiran dan mentaliti individu pemilik perniagaan yang digunakan ketika memulakan dan membangunkan perniagaan mereka yang berasaskan pertumbuhan.

Menurut Falkäng and Alberti (2000), kursus keusahawanan dibahagikan kepada dua kategori,

- Kursus 'berkenaan' usahawan, keusahawanan dan perniagaan kecil. Kandungannya menerangkan tentang keusahawanan dan kepentingan perniagaan kecil dalam ekonomi dan masyarakat.
- Kursus 'untuk' keusahawanan (Levie, 1999) yang mempunyai objektif untuk mendidik dan melatih penuntut dalam kemahiran yang diperlukan untuk membangunkan perniagaan mereka.

Kursus yang dinyatakan oleh Falkäng and Alberti (2000) merupakan kursus yang mempunyai perspektif orang luar terhadap keusahawanan dan penuntut tidak begitu terlibat dengan subjek tersebut manakala kursus berikutnya adalah menekankan lebih kepada pembelajaran berasaskan pengalaman. Akan tetapi dalam situasi sebenar, Levie (1999) menyatakan bahawa kebanyakan penuntut adalah diajar lebih kepada kursus 'untuk' keusahawanan daripada kursus 'berkenaan' keusahawanan. Ini adalah bagi menyediakan penuntut tersebut terhadap aktiviti keusahawanan sebenar. Fleming (1999) pula mencadangkan proses pendidikan keusahawanan agar menekankan kepada penyediaan pemindahan pengetahuan konseptual dan teoritikal kepada aplikasi praktikal dan pembangunan kemahiran dan '*aptitudes*' (Jadual 1). Seperti yang dihuraikan oleh Fleming (1999), pendidikan keusahawanan di Universiti Limerick menggabungkan kedua-dua kaedah pengajaran formal dan informal. Aspek formal pendidikan keusahawanan memfokus kepada penyediaan rangkakerja konseptual dan teoritikal yang menekankan keusahawanan.

Jadual 1: Model Proses Pendidikan Keusahawanan

<i>Inputs (Students)</i>	<i>Process</i>		<i>Outputs</i>
	<i>Content Focus</i>	<i>Teaching Focus</i>	
<i>Prior knowledge base</i>	<i>Entrepreneurship</i>	<i>Didactic methods</i>	<i>Intangible</i>
<i>Personality needs</i>	<i>defined</i>	<i>Lectures</i>	<i>Goal</i>
<i>Interests</i>	<i>Environment</i>	<i>Textbooks</i>	<i>Achievements</i>
<i>Motivation</i>	<i>Innovation</i>	<i>Readings</i>	<i>Skills/knowledge</i>
<i>Role orientation</i>	<i>Creativity</i>	<i>Seminars</i>	<i>Confidence</i>
<i>abilities</i>	<i>New product</i>		<i>Decision-making</i>
<i>Work experience</i>	<i>development</i>	<i>Skills Building</i>	<i>Problem-solving</i>
<i>Effort</i>	<i>Market research</i>	<i>Case studies</i>	<i>Communications</i>
<i>Resources</i>	<i>Business planning</i>	<i>Group discussion</i>	
	<i>Management</i>	<i>Brainstorming</i>	<i>Tangible</i>
	<i>Marketing</i>	<i>Teamwork</i>	<i>Assignments</i>
	<i>Operations</i>	<i>Projects</i>	<i>Presentations</i>
	<i>Finance</i>		<i>Reports</i>
	<i>Legal issues</i>	<i>Discovery methods</i>	<i>Drawings</i>
	<i>Teamwork</i>	<i>Problem-solving</i>	<i>Prototypes</i>
	<i>Managing growth</i>	<i>Networking</i>	<i>Products</i>
	<i>Intrapreneurship</i>	<i>Consultancy</i>	<i>Exhibition</i>
		<i>Career planning</i>	

Sumber: dipetik dari Fleming (1999)

Teori ini disampaikan melalui kaedah ‘*didactic*’ seperti syarahan dan pembacaan. Aspek tidak formal pendidikan keusahawanan pula memfokus kepada pembentukan kemahiran, pembentukan ciri-ciri dan perubahan sikap. Bagi mencapai objektif ini analisa kes, percambahan fikiran, simulasi, projek berkumpulan dan konsultasi perniagaan kecil adalah digunakan. Kaedah penyampaian ini juga membolehkan pelajar menyatukan dan mengaplikasikan teori yang dipelajari melalui kaedah formal. Tugas seorang pensyarah atau tutor adalah penting di mana mereka ini perlu menyeimbangkan di antara perspektif akademik dan pengamal ‘*practitioner*’ dalam kaedah pengajaran mereka. Oleh yang demikian model dalam Jadual 1 adalah model yang terbaik untuk diikuti kerana ianya menyediakan pelbagai struktur alternatif dan mekanisme pembelajaran dalam memastikan kaedah pembelajaran yang bersesuaian. Di samping itu, model ini juga menyediakan pemindahan pengetahuan konseptual dan teoritikal kepada aplikasi praktikal dan pembangunan kemahiran dan ‘*aptitudes*’.

Walaupun bagaimanapun, aspek asas yang perlu dititikberatkan dalam pendidikan keusahawanan adalah apakah tujuan dan objektif yang ingin dicapai oleh program keusahawanan yang akan dilaksanakan. Ini adalah kerana ianya akan bertindak sebagai panduan di dalam pemilihan kursus, kandungan dan kaedah yang digunakan di dalam pengajaran program keusahawanan.

Seperti yang dinyatakan oleh Mason (2000), rasional kepada penawaran pendidikan keusahawanan adalah seperti berikut,

- Bagi mempromosikan keusahawanan sebagai pilihan kerjaya kepada penuntut.
- Menambahkan bilangan penuntut yang menjadikan keusahawanan sebagai satu karier.
- Pendidikan keusahawanan akan meningkatkan kemahiran-kemahiran yang diperlukan seperti kreativiti, pengenalpastian dan penilaian peluang, kerja berpasukan dan kebolehan untuk menghadapi ketidakpastian.

Levie (1999) menyatakan secara jelas bahawa objektif dalam penawaran program keusahawanan mestilah melihat samada kursus tersebut ‘berkenaan’ atau ‘untuk’ keusahawanan. Seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 2, kursus ‘untuk’ keusahawanan lebih menekankan kepada pengalaman pembelajaran sebagai seorang usahawan berbanding dengan kursus ‘berkenaan’ keusahawanan yang lebih menjurus kepada pembelajaran teori keusahawanan.

Jadual 2: Kaedah Pengajaran dan pembelajaran dalam kursus ‘untuk’ dan ‘berkenaan’ keusahawanan

<i>Courses ‘for’ entrepreneurship</i>	<i>Courses ‘about’ entrepreneurship</i>
<ul style="list-style-type: none"> • <i>Case studies</i> • <i>Guest Speakers</i> • <i>Group Projects</i> • <i>Group business plans</i> • <i>Student oral presentation</i> • <i>Class participation assessed</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Lectures</i> • <i>Set text</i> • <i>Individual essays</i> • <i>Individual end of term written exams</i>

Sumber: dipetik dari Levie (1999)

Kandungan Program Keusahawanan

Memandangkan konsep keusahawanan itu sendiri yang selalunya dikaitkan dengan inovasi dan pengwujudan pekerjaan (Lumpkin and Dess, 1996), maka, kandungan program itu sendiri haruslah lebih kepada pembangunan individu yang berperanan di dalam pengwujudan sesebuah usahaniaga baru. seperti yang dinyatakan oleh Noll (1993) iaitu kursus-kursus keusahawanan mestilah merangkumi kursus-kursus seperti berikut,

- Pendefinisian keusahawanan – yang mana bertujuan untuk memahami perbezaan dalam definisi-definisi keusahawanan dan profil usahawan, pemilik perniagaan kecil dan intra usahawan.
- Melengkapkan ujian penilaian diri yang membolehkan penuntut dalam program membangunkan ciri-ciri keusahawanan dalam diri mereka.
- Menghasilkan idea – mengenalpasti kaedah terbaik dalam pengwujudan usahaniaga baru.
- Menghasilkan rancangan perniagaan – di mana penuntut diajar untuk menghasilkan rancangan pemasaran, kewangan dan organisasi.

- Menjalankan perniagaan – di mana penuntut diajar bagaimana untuk memulakan perniagaan dan bagaimana untuk meneruskan operasi perniagaan.

Mason (2000) pula menyatakan bahawa terdapat pelbagai kursus yang ditawarkan oleh universiti-universiti yang terlibat di dalam kajian yang telah dijalankan oleh beliau. Kursus-kursus yang ditawarkan pada amnya mempunyai kandungan seperti berikut,

- Kursus pengenalan dalam keusahawanan yang merangkumi konsep dan teori, di mana penilaian adalah dalam bentuk analisa kajian kes ataupun temuduga usahawan.
- Kursus lanjutan berkenaan tentang usahaniaga baru yang mewajibkan penuntut untuk menyiapkan tugas secara berkumpulan dalam menghasilkan idea perniagaan dan menulis rancangan perniagaan.
- Kursus pengurusan usahaniaga baru yang melibatkan sekumpulan penuntut untuk bekerjasama dengan pengurus perniagaan kecil dalam projek konsultansi mereka.

Manakala Gartner dan Vesper (1990) menghuraikan bahawa kursus keusahawanan yang standard selalunya memasukkan penulisan rancangan usahaniaga baru atau pengurusan usahaniaga baru dalam program yang ditawarkan. Di samping itu juga, beberapa program lain juga memasukkan subjek perniagaan yang lain dalam programnya contohnya subjek pengurusan, pemasaran dan kewangan (Plaschka and Welsh, 1990).

Duke (1996) juga telah menyenaraikan beberapa kursus yang selalunya terkandung dalam program keusahawanan (Jadual 3). Jadual tersebut sebenarnya menunjukkan jenis-jenis kursus keusahawanan yang ditawarkan di universiti di Amerika Syarikat dan jumlah universiti yang menawarkan kursus tersebut. Di antara kursus yang terlibat adalah kursus pengenalan termasuklah pengwujudan usahaniaga baru dan pengurusan perniagaan kecil. Di samping itu juga kursus lanjutan yang melibatkan analisis lanjutan tentang bagaimana seseorang usahawan beroperasi.

Jadual 3: Kursus Keusahawanan Yang Ditawarkan Di Amerika Syarikat

<i>Introductory Courses in Entrepreneurship or new Venture Creation</i>	48
<i>New Venture Financial Planning, Venture Capital, and Student Investment Fund</i>	21
<i>Management of Small Enterprise or Business</i>	20
<i>Entrepreneurship Policy: Diagnosis, Advanced Planning, Feasibility, Models, and Evaluation</i>	18
<i>Entrepreneurship Special Topics, Independent or Directed Studies, Workshop, and Camp</i>	18
<i>Entrepreneurship Internship and Consulting</i>	17
<i>Business Planning</i>	15
<i>Management of Growth</i>	10
<i>Product, Technology and Innovation Management</i>	9.5
<i>Entrepreneurship or Franchise Law and Ethics</i>	8
<i>Entrepreneurship and Innovation in Corporations</i>	8
<i>Creativity and Integrated Innovation</i>	7.5
<i>Entrepreneurial Behavior and Change</i>	6

<i>New Venture Marketing</i>	5
<i>Entrepreneurship Specialties: Real Estate, Education, Environmental/Energy, Arts, and so forth</i>	5
<i>Technical Entrepreneurship Courses</i>	4
<i>Internationalizing Entrepreneurial Ventures</i>	4
<i>Franchising Analysis</i>	3
<i>Franchising Management</i>	3
<i>Desktop Computing and Strategic Information</i>	2
<i>Owner Manager Transition Program</i>	2
<i>Economic Organization: Doing Deals</i>	1
<i>Entrepreneurship and Economic Development</i>	1

<p>Babson Collage, Amerika Syarikat</p>	<p><i>Undergraduate level</i></p> <p>(i) <i>Entrepreneurship Foundation Courses</i> <i>Entrepreneurship and New Ventures Financing Entrepreneurial Ventures Managing a Growing Business</i></p> <p>(ii) <i>Support Courses</i> <i>Marketing for Entrepreneurs</i> <i>Venture Capital, MBOs and MBIs</i> <i>Entrepreneurial Field Studies</i></p> <p>(iii) <i>Specialty Courses</i> <i>Corporate Venturing: Entrepreneurs in Organizations</i> <i>Franchising, Licensing and Distributorships Entrepreneurship and e-Commerce</i> <i>Family Business Management</i> <i>Management Field Consultancy Experience</i></p> <p><i>Postgraduate level</i></p> <p><i>Entrepreneurship and New Ventures</i> <i>Financing Entrepreneurial Ventures</i> <i>Managing Growing Business</i> <i>Corporate Venturing: Entrepreneurs in Organizations.</i> <i>The Social Entrepreneur</i> <i>Franchising, Licensing and Distributorships</i> <i>Management Buy-Outs and Buy-Ins</i> <i>Venture and Growth Capital: Theory and Practice</i> <i>Marketing For Entrepreneurs</i> <i>Venture Growth Strategies</i></p>
--	--

Jadual 4 menunjukkan di antara contoh kursus yang ditawarkan oleh beberapa universiti. Diberapa buah universiti di United Kingdom

<p>University of Durham, England</p>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>The changing entrepreneurial society</i> • <i>Personal development of entrepreneurial behaviour</i> • <i>Business development process</i> • <i>Design and development of entrepreneurial organisations</i> • <i>Understanding the task environment</i> • <i>Managing within the entrepreneurial culture</i>
<p>University of Strathclyde, Scotland</p>	<p><i>Undergraduate level</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Entrepreneurship: Introduction to business start-up (Computer-based learning)</i> • <i>Entrepreneurship: Personal creativity</i> • <i>Entrepreneurship: New venture creation</i> • <i>Entrepreneurship: Knowledge, Science & Technology-based businesses</i> • <i>Entrepreneurship: Starting and internet-based business</i> • <i>Entrepreneurship: Finance and the growing business</i> • <i>Entrepreneurship: Venture Management</i> <p><i>Postgraduate level</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Opportunity recognition</i> • <i>Assessing resources</i> • <i>Technology venture management</i> • <i>Entrepreneurship company basis investigation</i>

Penawaran Ijazah Dalam Bidang Keusahawanan oleh Insitut Pengajian Tinggi Awam(IPTA) dan Insitut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)

Antara universiti awam yang menawarkan program ijazah dalam bidang keusahawanan di Malaysia ialah Universiti Utara Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah. Di UUM pelajar akan dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan Dengan Kepujian selepas menamatkan pengajian mereka manakala pelajar UMS akan dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (pengajian Keusahawanan) .Berikut adalah contoh program ijazah keusahawanan yang ditawarkan oleh UUM dan UMS dan Universiti Tenaga Nasional (Lampiran 1)

Kesimpulan

Berdasarkan kepada penemuan kajian adalah didapati bahawa aktiviti keusahawanan samada yang bercorak akademik dan aktiviti praktikal belum dilaksanakan secara menyeluruh diperingkat IPTA. Walaupun Kementerian Pengajian Tinggi telah menyarankan agar program bercorak keusahawanan diberikan penekanan namun tahap pelaksanaan amat bergantung kepada daya usaha IPTA itu sendiri. Bagi menjamin bahawa program keusahawanan di IPTA dapat berjalan dengan aktif Kementerian Pengajian Tinggi perlu memastikan IPTA melaksanakan program ini secara agresif dan bersungguh-sungguh.

Rujukan

- Anderson, A. R., Kirkwood, S. L. and Jack, S. L. 1998. "Teaching entrepreneurship: A mentoring experience", *Journal of European Business Education*, 8: 1, 82-94.
- Berita Harian 14 Sept 2004
- Duke, C. R. 1996. Exploring student interest in entrepreneurship courses, *Journal of Marketing Education*, Autumn: 35-45.
- Evans, D.S. and Hanson, M. 1998. "Environmental contingencies in teaching entrepreneurship: The case of France", *International dimensions of teaching entrepreneurship*.
- Falkäng, J. and Alberti, F. 2000. The assessment of entrepreneurship education, *Industry & Higher Education*, 14:101-108.
- Fleming, P. 1999. Education for entrepreneurship in the curriculum at university level, *Industry & Higher Education*, 13:6, 405-408.
- Garavan, T. N. & O'Conneide, B. 1994. Entrepreneurship Education and Training Programmes: A Review and Evaluation, Part I. *Journal of European Industrial Training*, Vol. 18, No. 8, pp. 3-12.
- Gartner, W. B. and Vesper, K. H. 1994. Experiments in entrepreneurship education: Successes and failures, *Journal of business Venturing*, 9, 179-187.
- Gibb, A. A. 1993. The Enterprise Culture in Education. *International Small Business Journal*, Vol. 11, No. 3, pp.11-33.
- Gorman G., Hanlon D., and King. W. 1997, "Some research perspective on entrepreneurship education, enterprise education and education for small business management: A ten-year Literature review", *International Small Business Journal*, 15:3, 56-77.
- Guirdham, M, and Tyler K. 1992. *Enterprise skills for students*, (London: Butterworth-Heinemann).
- Hisrich, R. D. and Peters, P. P. 1998. *Entrepreneurship*, 4th ed, (London: Irwin/McGraw-Hill).
- Kuratko, D. F. and Hodgetts, R. M. 1995. *Entrepreneurship: a contemporary approach*, The Dryden Press, 3rd Edition.

- Levie, J. 1999, *Entrepreneurship education in higher education in England: a survey*, (Strathclyde Entrepreneurship Initiative: University of Strathclyde).
- Lumpkin, G. T. and Dess, G. G. 1996 Clarifying the entrepreneurial orientation construct and linking it to performance, *Academy of Management Review*, 21: 135-172.
- Mason, C. 2000. *Teaching Entrepreneurship to Undergraduates: Lessons from Leading Centres of Entrepreneurship Education*. University of Southampton.
- McMullan, W. E. and Long, W. A. 1990. *Developing new ventures: The entrepreneurial option*, Harcourt Brace Jovanovich, 15-403.
- Miner, J. 1995.. “The expanded horizon for achieving entrepreneurial success”, *Organizational Dynamics*, 55-66.
- Noll, C. L. 1993. Planning curriculum for entrepreneurship education, *Business Education Forum*, 47:3, 3-5.
- Plashka, G. R. and Welsch H. P. 1990. Emerging structures in entrepreneurship education: curricular designs and strategies, *Entrepreneurship theory and practice*, spring ,55-71
- Weaver, R.Y. 1999. “Society, educational systems and entrepreneurship”, *Industry & Higher Education*, 13:6, 376-38.
- Yendell, M. 1997. *Establishing an Innovative Cross-Faculty Entrepreneurship Programme to Support Undergraduates, in all Core Disciplines, towards Entrepreneurship based on Knowledge Gained in their Core Studies* (Strathclyde Entrepreneurship Initiative: University of Strathclyde).
- Young, J. E. 1997. Entrepreneurship education and learning for university students and practising entrepreneurs, in Sexton, D. L. and Smilor R. W. (eds), *Entrepreneurship 2000*, (Chicago, IL: Upstart Publishing Co.).

Model UUM-Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan Dengan Kepujian

Syarat Kemasukkan

Diploma dengan PMK 3.0 daripada insitusi yang diktiraf UUM,STPM

Syarat Khas Program

Lulus Ujian Khas Profil Potensi Keusahawanan

RINGKASAN KEPERLUAN PROGRAM

Komponen	Jam Kredit
Teras Universiti	19
Teras Program	105
Elektif	3
Jumlah	127

STRUKTUR PROGRAM

A.TERAS UNIVERSITI (19 JAM KREDIT)	
Nama Kursus	Jam Kredit
Tamadun Islam dan Tamadun Asia I	2
Tamadun Islam dan Tamadun Asia II	2
Kenegaraan Malaysia	2
Asas Keusahawanan	2
Communication I	2
Communication II	2
English For Higher Education	2
Ko-Kurikulum	4

B.TERAS PROGRAM (105 JAM KREDIT)	
Fungsian dan Nama Kursus	Jam Kredit
Perakaunan (3 jam kredit) Perakaunan Perniagaan	3
Ekonomi (3 jam kredit) Prinsip Ekonomi	3
Pengurusan (15 jam kredit) Pengantar Pemasaran Asas Kewangan Pengurusan Sumber Manusia Pengurusan Strategik Pengurusan Pengeluaran Operasi	3 3 3 3 3
Sains Tingkah Laku (3jam kredit) Pengantar Sains Sosial	3
Teknologi Maklumat (3jam kredit) Aplikasi Komputer Dalam Pengurusan ATAU Sistem Maklumat Dalam Organisasi Etika/Undang-undang (3jam kredit) Undang-undang Perniagaan	3 3 3
Kemahiran Interpersonal dan Komunikasi (13 jam kredit) Public Speaking Business Report Writing Mandarin I Mandarin II Komunikasi dan Organisasi Antarabangsa	2 2 3 3 3 3
Pemasaran (3 jam kredit)	

Peruncitan	3
Kewangan (3 jam kredit)	
Kewangan Keusahawanan	3
Pengurusan (27 jam kredit)	
Kemahiran dan Gelagat Usahawan	3
Kreativiti dan Inovasi	3
Rancangan Perniagaan	3
Pengurusan Perkembangan Perniagaan	3
E-Dagang	3
Seminar Keusahawanan	3
Perniagaan Atarabangsa	3
Aspek Perundangan dalam Keusahawanan	3
Etika Pengurusan Atau	3
Etika Perniagaan Islam dan Tanggungjawab Sosial	3
Elektif Program (9 jam kredit)	
Pengurusan Perniagaan Francais	3
Perniagaan Keluarga	3
Pengurusan Jaringan Perniagaan	3
Kaunseling Perundingan	3
(pelajar boleh mana-mana 3 kursus)	
Praktikum (8 jam kredit)	8
Pelajar dikehendaki menjalani Latihan Pratikum selama empat bulan Samada membuka perniagaan sendiri,bekerja dengan usahawan,badan korporat,kerajaan,badan berkanun atau pertubuhan bukan kerajaan yang terlibat dalam aktiviti perniagaan	
C.ELEKTIF BEBAS	3
Pelajar boleh memilih mana-mana kursus yang ditawarkan oleh fakulti atau diluar fakulti.	

Model Universiti Malaysia Sabah

Komponen	Jam Kredit
Teras Universiti	32
Teras Sekolah	42
Teras Program	27
Minor	15
Jumlah	116

A.TERAS UNIVERSITI (32 JAM KREDIT)	
Nama Kursus	Jam Kredit
Penataran Ilmu	12
Komunikasi	2
Bahasa Inggeris	15
Kokurikulum	3

B.TERAS SEKOLAH (42 JAM KREDIT)	
	Jam Kredit
Asas Keusahawanan	3
Mikroekonomi	3
Asas Pemasaran	3
Statistik Perniagaan dan Ekonomi	3
Prinsip dan Amalan Pengurusan	3
Pengenalan Kepada Sistem Maklumat	3
Prinsip Perakaunan	3
Asas Pengurusan Kewangan	3
Makroekonomi I	3
Undang-undang Komersial	3
Perlakuan Organisasi	3
Pengurusan Operasi	3
Kaedah Penyelidikan	3
Pengurusan Strategik	3
D.TERAS PROGRAM (27 JAM KREDIT)	
E-Dagang Dalam Keusahawanan	3
Pengurusan Francais	3
Pengenalan Kepada Perakaunan Kos dan Pengurusan	3
Cadangan Projek Perniagaan	3
Latihan Amali/Pratikal	6
Kursus-kursus elektif (3 daripada kursus berikut)	
Bidang Korporat	
Kreativiti, Inovasi dan Keusahawanan	3
Perakaunan Untuk Pengurusan	3
Keusahawanan Korporat	3
Amalan Perundingan Keusahawanan	3
Keusahawanan Antarabangsa	3
Bidang Urusniaga Baru	
Perniagaan Keluarga	3
Pengurusan Urusniaga Baru	3
Pengurusan Peruncitan	3
Pengurusan Perkhidmatan	3

C.MINOR (15 JAM KREDIT)	
Kursus yang diambil daripada sekolah aliran Sains untuk semua program	

IPTS

Universiti Tenaga Nasional

Pengajian Islam/ Pendidikan Moral Pengajian Malaysia Bahasa Melayu Bahasa Inggeris Undang-undang Komersia Malaysia Perakaunan Perniagaan Perkomputeran Perniagaan Matematik Perniagaan Ekonomi Statistik Perniagaan Ekonomi Pengurusan Prinsip Pengurusan Prinsip Pemasaran Komunikasi Perniagaan Kelakuan Organisasi Sains Pengurusan Etika Perniagaan Pengurusan Strategik Perakaunan Pengurusan Pembuatan Keputusan Perniagaan Kaedah Penyelidikan Pemasaran:Perancangan dan Analisa Prinsip Kewangan Pengurusan Kewangan Pengurusan Sumber Manusia Undang-undang Syarikat Malaysia Perniagaan Antarabangsa Pengurusan Teknologi Maklumat Keusahawanan dan Usaha Baru Kelakuan Keusahawanan Penyelidikan Pemasaran untuk Usaha Perniagaan Baru Pembiayaan Kewangan untuk Usahawan Mengurus Pertumbuhan Perniagaan Seminar Keusahawanan Perniagaan dan Perancangan Cukai Francais Perlesenan dan Pengagihan	
--	--

Pengurusan Perniagaan Keluarga Elektif Perniagaan	
--	--